



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 5542
Email : pejabatkpk@moh.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KKM.600-29/4/146 (65) Jld. 85

Tarikh : 4 Julai 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/

Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL
10 / 2023: PELANJUTAN PENGISYTIHARAN MALAYSIA SEBAGAI
KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN DAN PENGEMASKINIAN
PROTOKOL COVID-19**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 10 / 2023 ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pelanjutan Pengisytiharan Malaysia Sebagai Kawasan Tempatan Jangkitan Dan Pengemaskinian Protokol COVID-19.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan susulan kenyataan yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia

(WHO) pada 5 Mei 2023 lalu berkenaan status COVID-19 yang tidak lagi menjadi Kecemasan Kesihatan Awam Yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (*Public Health Emergency of International Concern - PHEIC*), prosedur operasi standard (SOP) telah disemak semula dan dikemas kini berdasarkan penilaian situasi semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia.

- 2.2 Sejak lima (5) minggu kebelakangan ini (bermula ME 21/2023 sehingga ME 25/2023), bilangan kes baharu COVID-19 telah menunjukkan penurunan sebanyak 53.5% (5,801 kes kepada 2,698 kes) dan kes kematian COVID-19 juga menunjukkan penurunan sebanyak 35.3% (17 kes kepada 11 kes). Dari segi kapasiti hospital pula, jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam dan pengisian katil fasiliti COVID-19 menurun, manakala peratus pengisian katil Unit Rawatan Rapi (ICU) kekal stabil pada 6.0 peratus pada ME 25/2023 berbanding ME 24/2023.
- 2.3 Sehingga 27 Jun 2023, sebanyak 16,337,744 (50%) penduduk Malaysia telah menerima dos penggalak pertama dan 2.5 peratus (825,275) sahaja telah menerima dos penggalak kedua.
- 2.4 Walaupun beberapa kelonggaran kepada SOP COVID-19 telah diberikan ketika Fasa Peralihan dari pandemik COVID-19 yang bermula sejak 1 April 2022, KKM terus melaksanakan pelbagai polisi dan aktiviti kawalan dan pencegahan COVID-19 bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan komuniti.

3. PENGEMASKINIAN PROTOKOL COVID-19 DAN PELANJUTAN PENGISYTIHARAN MALAYSIA SEBAGAI KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN

3.1 Berdasarkan pencapaian dalam pengurusan pandemik COVID-19 di Malaysia yang telah berjaya mengekang penularan jangkitan COVID-19 dan memulihkan perkhidmatan kesihatan negara, KKM telah membuat semakan semula SOP dengan merujuk kepada kenyataan WHO berkaitan transisi pengurusan jangka masa panjang pandemik COVID-19. Antaranya adalah seperti berikut:

a. **SOP pemakaian pelitup muka** yang dahulunya diwajibkan ke atas pesakit COVID-19, semasa berada di dalam pengangkutan awam (kecuali kapal terbang) dan di fasiliti kesihatan tidak lagi diwajibkan, tetapi;

i. Individu **DIKEHENDAKI** memakai pelitup muka:

- Jika didapati positif COVID-19; dan
- Jika individu termasuk pelawat, pesakit dan anggota kesihatan berada di fasiliti kesihatan (seperti hospital, klinik, pusat jagaan warga emas dan lain-lain perkhidmatan kesihatan) yang mana akan berhadapan dengan pesakit, atau berinteraksi dengan pesakit atau merawat pesakit seperti di "**Lampiran 1**". Ia adalah selari dengan amalan pencegahan dan kawalan infeksi.

ii. Pemakaian pelitup muka **AMAT DIGALAKKAN** berdasarkan penilaian sendiri bagi:

- **Individu berisiko tinggi** seperti warga emas, individu dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah atau ibu mengandung terutama ketika berada **di tempat sesak dan di mana pengudaraan kurang baik**;
 - **Individu yang bergejala respiratori** bagi mengelakkan jangkitan kepada orang lain; dan
 - Semasa berada dalam **perkhidmatan pengangkutan awam** seperti bas, kereta api, kapal terbang, teksi termasuk perkhidmatan e-hailing, bas/van pekerja dan bas/van sekolah.
- b. **Arahan pengasingan kes disahkan COVID-19 diteruskan** dengan tempohnya **dipendekkan** dari tujuh (7) hari kepada lima (5) hari dari onset gejala pertama. Ini adalah berdasarkan kajian yang mengatakan bahawa infektiviti kes COVID-19 tinggi pada lima (5) hari pertama dari onset gejala dengan *viral load* yang tinggi pada tempoh tersebut.
- c. Walaupun penilaian situasi semasa COVID-19 adalah pada tahap tidak membimbangkan dan perkhidmatan kesihatan tidak terbeban dengan situasi COVID-19, status **Kawasan Tempatan Jangkitan di Malaysia** yang akan tamat pada 30 Jun 2023 **dilanjutkan untuk tempoh enam (6) bulan** lagi, iaitu sehingga 31 Disember 2023.
- d. Ia bagi membolehkan penguatkuasaan beberapa peruntukan di dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [P.U.(A) 83/2022] yang digubal atas kuasa Menteri di bawah

subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

- e. Pelanjutan pengisytiharan Malaysia sebagai “Kawasan Tempatan Jangkitan” juga masih diperlukan memandangkan terdapat risiko kemunculan varian dan subvarian baharu virus SARS-CoV-2 di Malaysia. Selain itu, perhimpunan ramai yang dijangka berlaku semasa Pilihanraya Negeri, berkemungkinan berisiko menyumbang kepada peningkatan kes dan membebankan sistem perkhidmatan kesihatan Kerajaan jika langkah kawalan dan pencegahan tidak dilaksanakan sepenuhnya.

4. TARIKH KUATKUASA

Protokol COVID-19 yang dikemas kini ini iaitu berkenaan pemakaian pelitup muka dan pengasingan kes disahkan COVID-19 adalah berkuatkuasa bermula pada 5 Julai 2023. Dasar dalam Surat Pekeliling ini hendaklah diteruskan pelaksanaannya sehingga sebarang pembaharuan dimaklumkan.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai yang bertanggungjawab:

Pengarah

Bahagian Kawalan Penyakit

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 3, Blok E10, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 WP Putrajaya
No. Telefon: 03-8883 4418/ 4118/ 4119
Emel: sektorsurveilan@moh.gov.my

6. PENUTUP

YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, adalah dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada para pegawai yang berkaitan di bawah tanggungjawab masing-masing. Komitmen semua pihak dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

" MALAYSIA MADANI "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan
Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Penasihat Undang-Undang
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Timbalan Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

A. EDARAN DALAMAN

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK)

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri N. Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

B. EDARAN LUARAN

Ketua Pengarah
Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera
Kementerian Pertahanan Malaysia
Tingkat 12, Menara Mega Arena II
Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)
59100 Kuala Lumpur

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)
Jalan Ya'acon Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur

Pengarah
Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia
16150 Kubang Kerian, Kelantan

Setiausaha Kehormat
Persatuan Perubatan Malaysia
(*Malaysian Medical Association; MMA*)

Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)

Presiden
Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)

Presiden
Federation of Private Medical Practitioners' Association of Malaysia
(FPMPAM)

Presiden
Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)

PEMAKAIAN PELITUP MUKA DI FASILITI KESIHATAN (SEPerti HOSPITAL, KLINIK, PUSAT JAGAAN WARGA EMAS DAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN KESIHATAN)

1. Anggota kesihatan **DIKEHENDAKI** memakai pelitup muka (*surgical mask*) dalam situasi berikut:

- a. Semasa berhadapan dengan pesakit di dalam bilik atau kawasan yang tertutup
- b. Apabila berlaku interaksi secara bersemuka dengan pesakit / pelawat
- c. Semasa memberikan rawatan kepada pesakit

Contoh kawasan adalah seperti berikut:

- Wad
- Bilik konsultasi klinik
- Jabatan kecemasan
- Kaunter pendaftaran pesakit
- Ruang menunggu pesakit (contoh: klinik / farmasi)
- Unit dialisis
- Unit jagaan harian (*daycare*)
- Unit rawatan fisioterapi, rawatan cara kerja dan rehabilitasi

2. Anggota kesihatan **DIBERI KELONGGARAN** untuk tidak memakai pelitup muka (*surgical mask*) dalam situasi berikut:

- a. Tiada interaksi dengan pesakit / pelawat
- b. Kawasan terbuka

Contoh kawasan adalah seperti berikut:

- Makmal
- Pejabat
- Pejabat rekod
- Dewan atau bilik mesyuarat
- Ruang rehat / pantri / surau anggota kesihatan
- Ruang parkir
- Kawasan terbuka dalam persekitaran fasiliti kesihatan
- Kawasan lain dalam fasiliti kesihatan di mana tiada interaksi dengan pesakit secara bersemuka (contoh: kafeteria)

3. Semua pesakit, penjaga dan pelawat **DIKEHENDAKI** memakai pelitup muka semasa berada di dalam fasiliti kesihatan **KECUALI** apabila berada di kawasan berikut:
 - Ruang parkir
 - Kawasan terbuka dalam persekitaran fasiliti kesihatan
 - Kawasan lain dalam fasiliti kesihatan di mana tiada interaksi dengan pesakit lain secara bersemuka (contoh: kafeteria)
4. Walau pun terdapat kelonggaran di dalam keperluan pemakaian pelitup muka bagi situasi atau kawasan yang tertentu apabila berada di fasiliti kesihatan, namun anggota kesihatan, pesakit, penjaga dan pelawat **AMAT DIGALAKKAN** memakai pelitup muka berdasarkan penilaian sendiri bagi:
 - a. **Individu berisiko tinggi** seperti warga emas, individu dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah atau ibu mengandung terutama ketika berada **di tempat sesak dan di mana pengudaraan kurang baik**; dan
 - b. **Individu yang bergejala respiratori** bagi mengelakkan jangkitan kepada orang lain.
5. Panduan ini adalah tidak terpakai bagi individu yang didapati **positif COVID-19** di mana mereka adalah **DIKEHENDAKI** memakai pelitup muka (*surgical mask*) bagi mengelakkan jangkitan kepada orang lain.